

Mapen II saran wujud dana IPTS Bumiputera

BH 3 NOV 2000

PUTRAJAYA, Khamis – Kerajaan disaran menubuhkan sebuah dana pendidikan Bumiputera untuk membantu pelajar dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) milik Bumiputera yang memerlukan bantuan kewangan.

Langkah itu juga selaras dengan hasrat untuk meningkatkan bilangan pelajar Bumiputera di IPTS.

Saranan itu adalah antara 227 perakuan yang terkandung dalam laporan akhir Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) yang diserahkan oleh pengerusinya, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Laporan itu yang dinamakan sebagai Dasar Pembangunan Wawasan (DPW) mempunyai sembilan teras dan 12 strategi bagi pembangunan negara bagi tempoh 2001 hingga 2010.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Laporan itu turut mencadangkan pelajar bukan Bumiputera yang mendapat keputusan terbaik dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diberi keutamaan memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi memenuhi kuota yang dimasukkan mereka ke institusi itu.

Dalam ucapannya di majlis itu, Ahmad Sarji berkata, Mapen II menca-

dadangkan supaya dasar baru, DPW menggantikan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) 1990-2000.

Ketika menyediakan laporan itu, katanya, Mapen II mengkaji sebanyak 137 memorandum yang diterima daripada pelbagai badan, pertubuhan dan orang perscorangan.

Dalam laporan itu, Mapen II turut memperakukan penubuhan sebuah badan audit kualiti bebas untuk mengawal mutu akademik di IPTS berikutan perkembangan pesat institusi berkenaan.

Selain itu, ia turut memperakukan supaya kolej komuniti diwujudkan bagi menampung pelajar Bumiputera dan daripada golongan berpendapatan rendah yang tercicir daripada sistem pendidikan formal, khususnya yang tinggal di kawasan luar bandar, bandar kecil, kawasan setinggan bandar serta estet.

Laporan itu turut mencadangkan penyatuan sekolah bantuan modal yang berada di kawasan estet dan pedalaman, kecuali sekolah jenis kebangsaan Cina, yang menghadapi masalah kekurangan guru dan murid serta kemudahan fizikal.

Menerusi proses itu, sekolah terbabit berpindah ke sekolah sealiran yang lebih besar dan berhampiran supaya murid dapat menikmati kemudahan pendidikan yang lebih sempurna.

Mengenai pembangunan

sumber manusia, Mapen mencadangkan penubuhan Tabung Perantisan dan Program Motivasi Perantisan dalam bidang vokasional untuk golongan belia bagi melahirkan tenaga kerja sektor perindustrian.

Antara perakuan lain dalam laporan itu ialah:

- Penubuhan kelab perpaduan di sekolah hingga institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan perpaduan negara, serta menggalakkan penyertaan pelajar prasekolah hingga peringkat tinggi dalam aktiviti bercirikan Dasar Kebudayaan Nasional;

- Memperluaskan peluang mendapat kemudahan kredit dengan kadar faedah yang rendah bagi golongan miskin, menyediakan perumahan kos rendah dengan wang pendahuluan yang rendah dan bayaran bulanan yang sepadan dengan pendapatan mereka serta memastikan skim perumahan di estet menepati standard minimum;

- Penubuhan Baitulmal Kebangsaan untuk meningkatkan kecekapan serta ketelusan penggunaan dan pengagihan dana zakat, di samping menambah produk dan instrumen berkadat terapung seperti al-ljarah, memperkenalkan tanda aras Islam, indeks syariah dalam pasaran modal dan indeks hadapan Islam;

- Mengiktiraf perbadanan kemajuan negeri, Permodalan Nasional Berhad

(PNB), Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera serta syarikat kerajaan seperti Petronas, Telekom Malaysia Bhd dan Tenaga Nasional Bhd sebagai institusi amanah korporat yang bertanggungjawab membentuk dan memantapkan lagi pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera;

- Menubuhkan lebih banyak institusi saham amanah nasional seperti PNB serta Dana Saham Amanah Nasional;

- Mencadangkan lebih ramai wanita mengisi jawatan ke peringkat membuat keputusan dengan sasaran 30 peratus menjelang 2010, penyediaan bantuan dan peruntukan kewangan untuk pembangunan kemahiran keusahawanan kecil di kalangan wanita, serta insentif kepada majikan yang memberi latihan kepada wanita, terutama dalam sektor pembuatan;

- Penubuhan Majlis Kebangsaan Mengenai Daya Saing Malaysia untuk memberi perhatian kepada daya saing negara dalam jangka panjang serta Pusat Inovasi Nasional bagi menggalakkan inovasi dalam k-ekonomi; dan

- Penubuhan Tabung Penyelidikan dan Inovasi serta pembinaan lembah bioteknologi berkonsepkan Lembah Silikon untuk menempatkan segala kemudahan penyelidikan dalam bidang bioteknologi.